

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL (MAS GADING)****SOALAN : NO. 309**

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos serta bilangan projek PIAS yang telah dilaksanakan sepanjang 2013 hingga 2018 bagi seluruh Sarawak khususnya di kawasan Parlimen Mas Gading.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak 2013 hingga tahun 2018, sebanyak RM6.17 juta telah dibelanjakan bagi kawasan Parlimen Mas Gading yang meliputi pelaksanaan 89 Projek Infrastruktur Asas (PIAS).

Berdasarkan kepada jumlah perbelanjaan tersebut, bagi tahun 2013, sebanyak RM1.86 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 19 projek PIAS dan bagi tahun 2014 pula, sebanyak RM1.93 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 27 projek PIAS. Manakala bagi tahun 2015, sebanyak RM1.45 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 18 projek PIAS dan bagi tahun 2018 pula, sebanyak RM0.93 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 25 projek PIAS di kawasan Parlimen berkenaan.

Ringkasan projek PIAS yang diluluskan di bawah peruntukan tersebut bagi kawasan Parlimen Mas Gading bagi tahun 2013 hingga 2018 adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	NEGERI SARAWAK		PARLIMEN MAS GADING	
		BIL. PROJEK	KOS (RM JUTA)	BIL. PROJEK	KOS (RM JUTA)
1.	2013	814	80.17	19	1.86
2.	2014	1,129	86.59	27	1.93
3.	2015	723	58.37	18	1.45
4.	2018	278	22.55	25	0.93
JUMLAH		2,944	247.68	89	6.17